

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]

SOALAN : 259

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan prosedur sesuatu siasatan melibatkan individu yang didapati positif dadah dan berapa lamakah tempoh masa kesan dadah berupaya untuk kekal di dalam urin seseorang individu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai *Standard Operating Procedure* (SOP) dan Arahan Pentadbiran yang khusus dalam pengendalian pengambilan sampel air kencing terhadap individu yang disyaki positif dadah. Arahan berkenaan seperti yang terkandung dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), Bahagian F103 (Tatacara Pengambilan Air Kencing dan Penguatkuasaannya di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 (Akta 284) dan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234), PTKPN ini akan dibaca bersama dengan Arahan Pentadbiran Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik No. 9/2007 (Panduan pengambilan spesimen air kencing dari orang yang disyaki pengguna dadah untuk ujian di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998) dan Arahan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik No. 8/2011 (Laporan Polis bersangkutan kes-kes di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952).

Bagi siasatan yang dibuat mengikut Seksyen 15 (1) (a), Akta Dadah Berbahaya 1952, prosedur dan tindakan yang perlu diikuti oleh Pegawai Penyiasat seperti berikut:-

- i) Sampel air kencing akan dihantar ke Jabatan Patologi, Hospital Kerajaan terdekat yang mempunyai kemudahan untuk membuat pengesanan dalam tempoh tidak melebihi 48 jam atau dalam tempoh masa munasabah;
- ii) Tahanan reman akan dipohon kepada Mahkamah untuk tujuan siasatan lanjut atau sasek akan dilepaskan dengan jamin Polis mengikut peruntukan di bawah Seksyen 387 Kanun Keseksaan; dan
- iii) Sekiranya laporan Jabatan Patologi, mengesahkan sasek positif dadah, pegawai penyiasat perlu mendapatkan arahan tuduh daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Berkaitan tempoh masa kesan dadah berupaya kekal di dalam badan atau air kencing ianya bergantung kepada jenis dadah dan kuantiti dadah yang diambil. Secara spesifik ianya hanya boleh disahkan oleh Jabatan Patologi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).